

**NO. SOALAN: 365**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Indeks Syariah Malaysia menepati kehendak Al-Quran dan Sunnah dan harapan Kerajaan dalam meningkatkan prestasi pentadbiran negara dan sosial masyarakat.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Tadbir urus berdasarkan piawaian Maqasid Syariah telah lama diaplikasikan sebagai teras dalam penggubalan dasar dan polisi pentadbiran di Malaysia selama ini. Tetapi ianya belum pernah dinilai prestasi dan kedudukan sebenar pelaksanaannya. Beriltizam kepada perkara tersebut, Kerajaan memperkenalkan Indeks Syariah Malaysia untuk dilaksanakan sebagai satu dimensi baru tadbir urus negara yang bersifat saintifik. Kaedah pengukuran ISM secara saintifik ini amat signifikan bagi Kerajaan untuk menentukan sejauhmana (berpandukan

data kuantitatif) usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam pentadbiran negara selama ini berada atas landasan Maqasid Syariah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ISM memfokuskan pengukuran terhadap usaha yang dilakukan adalah berasaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Najm ayat 39 yan bermaksud “ *Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya*”.

Disamping yang sama, ISM juga bermatlamatkan ***muhasabah*** dan ***islah*** yang akan memberi manfaat kepada semua pihak. Pendekatan ***muhasabah*** yang digunakan dalam ISM ini adalah selaras dengan tuntutan Islam seperitimana sabda Nabi SAW yang bermaksud: “*Orang yang pintar ialah yang selalu muhasabah dirinya dan beramal untuk kematiannya, sementara orang yang lemah ialah yang mengikut hawa nafsunya dan berangan-angan Allah SWT akan mengampunkannya*”. (*Hadis riwayat at-Tirmidzi*).

Justeru, ukuran dan penilaian yang dilakukan dalam ISM akan memperlihatkan sejauhmana dasar atau program yang dilaksanakan memenuhi ciri-ciri keadilan, kecekapan dan tepat pada sasarannya. Ia amat penting supaya rahmat di sebalik Maqasid Syariah dapat diaplifikasi dan menyerlahkan kesejagatan Islam kepada seluruh umat manusia tanpa mengira batas agama dan bangsa.

Sekian, terima kasih.